

MATEMATIK TINGKATAN 1

BAB 11 PENGENALAN SET

LATIH DIRI 11.1c (drag $\in$ $\in$ $\in$ $\in$ $\in$ $\notin$ $\notin$ $\notin$ $\notin$ $\notin$)

1. Diberi $A = \{\text{negeri-negeri di Malaysia}\}$. Lengkapkan setiap yang berikut dengan menggunakan simbol $\in$ atau $\notin$.

(a) Johor A

(b) Langkawi A

(c) Putrajaya A

(d) Selangor A

2. Diberi bahawa $P = \{x : x \text{ ialah nombor ganjil dan } 0 < x < 50\}$ dan
 $Q = \{x : x \text{ ialah gandaan sepunya bagi 4 dan 6, } x < 100\}$.
Lengkapkan setiap yang berikut dengan menggunakan simbol $\in$ atau $\notin$.

(a) 8 P

(b) 17 P

(c) 63 P

(d) 84 Q

(e) 60 Q

(f) 46 Q

LATIH DIRI 11.1d

1. Tentukan bilangan unsur dalam setiap set yang berikut.
- (a) $A = \{\text{kon, silinder, sfera, piramid, kubus}\}$
 - (b) $B = \{\text{huruf konsonan dalam perkataan 'KEMAHIRAN'}\}$
 - (c) $C = \{\text{warna lampu isyarat}\}$
 - (d) $D = \{\text{gandaan 11 yang kurang daripada 100}\}$

Jawapan:

(a)

(b)

(c)

(d)

2. $P = \{\text{integer antara } -5 \text{ dengan } 2\}$ dan $Q = \{x : x < 15 \text{ dan } x \text{ ialah nombor genap}\}$.
Cari (a) $n(P)$ (b) $n(Q)$

Jawapan:

(a) $n(P) =$

(b) $n(Q) =$

LATIH DIRI 11.1e

1. Tentukan sama ada setiap pasangan set yang berikut ialah set sama atau bukan.
- (a) $G = \{\text{huruf dalam perkataan 'RAJIN'}\}$ dan $H = \{\text{huruf dalam perkataan 'JIRAN'}\}$
 - (b) $M = \{1, 2, 3, 4, 5\}$ dan $N = \{\text{nombor bulat yang kurang daripada } 6\}$
 - (c) $P = \{x : x \text{ ialah gandaan } 2 \text{ dan } 25 \leq x \leq 45\}$ dan
 $Q = \{x : x \text{ ialah nombor yang mengandungi digit } 2 \text{ dan } 25 \leq x \leq 45\}$
 - (d) $A = \{\text{Bahasa Kebangsaan Malaysia}\}$ dan $B = \{\text{Bahasa Melayu}\}$

Jawapan: (taip SAMA atau BUKAN)

(a)

(b)

(c)

(d)

Cg. Rohaiza_SYP2